



# Minda Hadhari

M  
297.2  
MRG

Mohd Rumaizuddin Ghazali



# **Minda Hadhari**

**Mohd Rumaizuddin Ghazali**

**DITERBITKAN:**

**Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.**  
10, The Right Angle,  
Jalan 14/22, Seksyen 14,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7955 7225 Fax: 03-7958 6439

**DICETAK:**

**Mas'adah (Malaysia) Sdn. Bhd.**  
No. 61, Persiaran Mewah  
Kawasan Perindustrian,  
Bandar Tun Razak, Cheras  
56000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-9172 1231 Fax: 03-9171 4105

Cetakan Pertama: 2005

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

M

297.2

MRG

M

1296529

! 1 JUN 2006

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

# Kandungan

<i>Prakata</i>	• v
<i>Tauhid Melahirkan Umat Merdeka</i>	• 1
<i>Islam Menghargai Akal</i>	• 7
<i>Islam Menghormati Kebebasan Berfikir</i>	• 11
<i>Keterbukaan Minda: Satu Tuntutan</i>	• 18
<i>Hijrah Pelopor Transformasi Minda</i>	• 23
<i>Solat Membina Peribadi Agung</i>	• 27
<i>Kemuliaan Ramadhan</i>	• 32
<i>Haji Membentuk Keperibadian Muslim</i>	• 40
<i>Haji Melahirkan Perpaduan Sejagat</i>	• 44
<i>Menghayati Kisah Ibrahim dalam Ibadat Haji</i>	• 49
<i>Bersegera Mematuhi Perintah Tuhan dapat Kejayaan</i>	• 53
<i>Khutbah Wada' Lambang Kesyumulan Islam</i>	• 57
<i>Doa Pengikat Jiwa manusia dengan Tuhan</i>	• 61

<i>Memahami Sirah Melengkapkan Kefahaman Islam</i>	● 67
<i>Kepentingan Memahami Sejarah</i>	● 72
<i>Menyuburkan Budaya Infaq</i>	● 80
<i>Melahirkan Ulama Berilmu dan Berwibawa</i>	● 86
<i>Islam jamin Hak untuk hidup</i>	● 93
<i>Melahirkan pendakwah yang berkesan</i>	● 97
<i>Hikmah dalam Berdakwah</i>	● 102
<i>Tajdid melahirkan umat berwawasan</i>	● 106
<i>Malaysia sebagai pusat ilmu abad mendatang</i>	● 111

# *Pra kata*

---

Saya bersyukur ke hadrat Allah yang memberi kekuatan dan kesihatan kepada saya serta salam dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat, tabi' dan tabi'in sehingga hari kiamat.

Orang yang berjuang cukup bahagia dengan kemuliaan umat yang tinggi. Walaupun mungkin ia tinggal di rumah yang kecil dan berpakaian sederhana. Tugas mengangkat umat mungkin memakan masa yang panjang, melebihi usia kita sendiri. Oleh itu, umat Islam perlu menyerahkan tugas ini kepada generasi kemudian dengan mendidik mereka untuk menghadapi zamannya. Kekuatan orang mukmin dan rahsia kemenangannya terletak pada keimanannya kepada Allah dan kehidupan akhirat.

## I

Malik Bennabi menyebut bahawa abad 21 merupakan abad Islam di alam Melayu. Oleh yang demikian, kita perlu bersiap siaga dengan segala persiapan sama ada dari segi material, spiritual, emosi dan jasmani serta pemikiran dalam memimpin umat. Umat Islam perlu melihat agenda besar bersama dan memberi pengarahannya yang bijaksana kepada generasi muda supaya mereka tidak tersungkur dalam menjayakan cita-cita murni ini. Sememangnya alam Melayu ini mempunyai banyak keistimewaannya, antaranya mempunyai penduduk Islam teramai di dunia, sumber hasil ekonomi yang banyak, kepimpinan berkaliber serta semangat jihad yang tinggi. Di samping itu, ia mengalami proses pertumbuhan Islam yang subur di tengah-tengah kemajmukan pelbagai agama dan tamadun.

Hampir semua tamadun besar dunia, berada di rantau ini dan berabad lamanya. Ia berfungsi sebagai pentas dialog ketamadunan yang cukup berjaya. Di sini Islam hidup berdampingan dengan agama-agama dan tamadun yang lain dan terbukti sikap toleransi, kerjasama dan menghormati satu sama lain semakin subur. Oleh itu, dalam mengangkat martabat umat, dialog tamadun yang sihat berprinsipkan nilai kemanusiaan perlu ditonjolkan. Kemajmukan tamadun tidak bererti membawa kepada persengketaan dan perbalahan tetapi ia merupakan satu bentuk kekuatan yang saling melengkapi untuk membina masa depan yang lebih cemerlang.

Satu hakikat yang perlu ditempuhi oleh umat Islam kini ialah globalisasi. Pelbagai takrif yang diberi mengenai globalisasi. Secara literal, globalisasi memberi erti “sesuatu yang umum, meluas, merata dan menyeluruh.’ Pada dasarnya, globalisasi merujuk kepada jaringan hubungan yang membabitkan manusia sejagat melampaui batasan bukan sahaja sempadan fizikal tetapi juga bukan fizikal. Globalisasi menjadikan dunia seperti “perkampungan kecil”. Martin Albrow menjelaskan bahawa globalisasi sebagai “*globalization –refers to all those processes by which the people of the world are incorporated into a single world society, global society.*”

Perkembangan ini menyebabkan manusia mendapat maklumat yang cepat dan pantas. Realiti kesejagatan menjadi identiti utama kehidupan dan segala tindakan ekonomi, politik dan sosial akan mempengaruhi rentak dan gaya pergerakan serantau dan antarabangsa. Inilah yang digelar sebagai era globalisasi. Dunia semakin cepat mengalirkan modal, maklumat dan nilai-nilai sehingga apa yang berlaku di Barat dapat diketahui dengan cepat dan memberi kesan di mana-mana bahagian bumi.

Namun, ada sarjana yang menyebutkan bahawa globalisasi merupakan satu bentuk hegemoni budaya atau penjajahan bentuk baru (*Neo-Colonialisme*). Dalam ertikata yang lain, negara maju akan terus menguasai negara Dunia Ketiga melalui penguasaan ilmu, maklumat, teknologi, budaya, ekonomi dan politik yang seterusnya memberi kesan kepada masyarakat dunia dari segala permasalahan. Ia memberi erti seruan untuk mensosialisasikan pola dan cara hidup sistem tertentu yang dimiliki oleh suatu negara atau kelompok hingga menembus seluruh dunia. Ada yang menyamakan globalisasi dengan Amerikanisasi, yakni menyebar dan mensosialisasikan keperibadian Amerika.

Al-Qaradhawi dalam bukunya *al-Muslimun wa al-‘Aulamah* (Umat Islam dan Globalisasi) menyebutkan bahawa globalisasi merupakan penjajahan lama yang tampil dalam busana dan nama baru. Menurutnya, globalisasi kebudayaan meninggalkan pengaruh paling besar kepada masyarakat dunia atau dengan lebih tepat menjadikan umat Islam sebagai umat “komsumer” iaitu mengguna, membeli dan memakai produk kapitalis Barat. Globalisasi kebudayaan ini merupakan ancaman bagi akidah, akhlak dan ajaran syariat Islam.

Manusia berlumba-lumba untuk mencapai cita gaya hidup mewah. Ternyata dalam budaya konsumerisme manusia telah kehilangan status sebagai makhluk yang beradab. Sifat rakus dan boros menjadi elemen penting malah dianggap sebagai suatu keperluan. Segala-galanya dieksploitasikan semahu-mahunya tanpa menghormati nilai-nilai kekudusan.

Menurut al-Qaradhawi lagi, umat Islam dapat menentang globalisasi yang negatif hanya dengan kekuatan iman, akhlak dan syariat. Umat Islam juga mampu membendung arus globalisasi kebudayaan hanya dengan pengukuhanannya memegang warisan kebudayaan Islam dan berada pada jalan yang lurus. Umat Islam harus mempunyai jati diri insani, mengembangkan ilmu dan amal, meningkatkan kualiti pengurusan dan kualiti hidup. Perkara yang sama dinyatakan oleh Dr. Mahmud Hamdi Zaquq dalam bukunya *al-Islam fi 'Asr al-'Aulamah* (Islam dalam Era Globalisasi). Beliau menyebut bahawa umat Islam perlu meningkatkan taraf pemikiran dan menjauhi segala bentuk khurafat dan waham. Di samping itu, haruslah berlumba-lumba mengejar ilmu dan mencapai kejayaan yang cemerlang dalamnya serta menjaga keamanan dunia yang kita hidup kini sebagai syarat untuk berjaya dalam era globalisasi.

Kebangkitan sesuatu umat tidak mungkin terjadi kecuali memiliki kekuatan menyanggah keserakahan kapitalis dan faktor yang membawa kepada ketandusan nilai kemanusiaan. Tetapi negara tidak akan memiliki kekuatan jika umat Islam tidak mahu memulihkan kekuatannya. Umat yang mati idealisme tidak mampu mendirikan negara yang unggul. Oleh itu, mereka yang berpandangan positif perlu bertekad untuk menjadi generasi peneraju kepada suatu era globalisasi yang harmonis di masa depan. Kita perlu menyemarakkan usaha bagi memberi kesejahteraan kepada kehidupan dan kemanusiaan. Globalisasi yang menterjemahkan nilai-nilai kemuliaan diri insani, mengangkat hak-hak asasi manusia, mendorong semangat persamaan dan persaudaran, memupuk semangat keterbukaan serta saling hormat-menghormati sesama bangsa perlu tersebar luas supaya menjadi amalan dan penghayatan manusia di seluruh alam. Ciri utama mereka yang dapat menerajui dunia pada hari depan ialah generasi yang berupaya membentuk kepimpinan ilmu di dalam

dirinya. Generasi inilah yang mampu bersaing di arus perdana negara dan di pentas global.

Umat Islam boleh mencapai kemuliaan apabila kembali menghayati Islam secara menyeluruh. Sikap umat Islam dalam pengorbanan harta dan tenaga masih terlalu sedikit jika dibandingkan dengan umat yang lain sedangkan al-Quran sentiasa menggalakkan umatnya sentiasa menderma. Adakah hanya dengan menderma satu ringgit atau dua ringgit setiap hari Jumaat sudah memadai. Selepas itu, kita mendakwa kenapa kemuliaan umat Islam tidak kunjung tiba. Kemuliaan dan kejayaan tidak akan muncul kecuali dicurahkan seluruh atau sebahagian harta dan tenaga untuk agama Islam. Dari segi tradisi keilmuan, masih lagi banyak manuskrip Melayu yang merupakan khazanah yang amat bernilai harganya masih tersimpan dan memerlukan kajian terutama dari para ulamak dan sarjana muslim. Dalam usaha tersebut, melahirkan ulamak karyawan merupakan satu tuntutan dan keutamaan zaman kini.

## II

Tamadun secara harfi ertinya berada ditahap maju. Para pengkaji membahagikan tamadun kepada dua pengertian iaitu pengertian yang objektif dan pengertian yang subjektif. Pengertian yang objektif iaitu suatu himpunan fenomena kemajuan dalam bidang kesusasteraan, teknik, keilmuan dan undang-undang yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi di dalam suatu masyarakat. Pengertian yang subjektif bermaksud tamadun digambarkan sebagai satu peringkat perkembangan kehidupan yang tinggi, yang berlawanan dengan kehidupan liar atau ganas atau digambarkan kehidupan yang dapat atau hampir dapat mencapai ideal atau bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai. Bentuk ideal kehidupan itu adalah subjektif sifatnya, bergantung kepada masa, tempat dan kepada nilai-nilai yang dianuti.

Sesuatu tamadun akan mengalami 3 peringkat iaitu peringkat kelahiran hingga mencapai peringkat puncak, peringkat beku dan menurun, peringkat keruntuhan dan kemusnahan. Menurut Malik Bennabi, tamadun peringkat kelahiran ditunjangi oleh idea keagamaan (fikrah diniyah) atau kerohanian dan ia bertemu puncak apabila kerohanian bercantum dengan akal. Kemudian tamadun itu akan menurun apabila unsur-unsur